

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HGM 234 - Geografi Penduduk dan Sumber Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LAPAN** (8) SOALAN DI DALAM **DUA** (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) Soalan. **SEMUA** soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan sejauhmana Malaysia perlukan dasar kependudukan “tujuh puluh juta orang”.

[25 markah]

2. a. Huraikan ciri-ciri pertumbuhan penduduk dunia dari tahun 1980an hingga tahun 2050.

[15 markah]

b. Apakah implikasi-implikasi akibat ketidakseimbangan dalam pertumbuhan penduduk dunia mengikut kawasan ?

[10 markah]

3. a. Bincangkan perbezaan komposisi penduduk di antara negara maju dengan negara membangun.

[10 markah]

- b. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada perbezaan-perbezaan ini?
[15 markah]
4. a. Apakah langkah-langkah yang wajar diambil akibat penuaan penduduk?
[10 markah]
- b. Bantuan kebendaan, penjagaan dan sokongan sosial kepada wargatua merupakan tanggungjawab keluarga sepenuhnya. Sejauhmana anda setuju dengan pernyataan ini?
[15 markah]
5. Teori Peralihan Demografi merupakan satu penemuan yang mempunyai pelbagai implikasi terhadap pembangunan kependudukan dunia. Sila kemukakan satu penerangan terperinci tentang ciri-ciri teori tersebut dan apakah implikasinya terhadap pembangunan sosio-ekonomi sesuatu kawasan.
[25 markah]
6. Huraikan perbezaan antara migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. Sila gunakan Teori Tarikan dan Tolakan untuk menerangkan fenomena kedatangan pendatang asing yang bermula dalam awal tahun 1990an ke Malaysia.
[25 markah]
7. Merujuk kepada sebuah negara di Asia, bincangkan strategi-strategi pembangunan sumber manusia di negara tersebut.
[25 markah]
8. Bincangkan sejauhmana peningkatan tahap pendidikan dan umur kahwin boleh memberi kesan kepada kemerosotan kesuburan di negara membangun sekarang ini.
[25 markah]